permasalahan pengelasan di antara masukan-keluaran yang membabitkan fungsi tak linear sebarang (*arbitrary*) (Sharda & Delen, 2006). Pada awal pengenalannya, rangkaian neural jenis Perseptron telah dikritik hebat kerana beberapa kelemahan. Ini termasuk kelemahannya untuk menyelesaikan permasalahan jenis X-OR dan memiliki algoritma pembelajaran yang berkeupayaan rendah (Irwin, 1997). Bagaimanapun, permasalahan ini telah dapat diselesaikan dengan pengenalan konsep pembelajaran Perambatan Balik (*Back Propagation, BP*). Sejak daripada itu, rangkaian MLP terus berkembang dan telah digunakan secara meluas di dalam bidang pengelasan corak. Malah, hampir 70% daripada pengaplikasian rangkaian neural di dalam bidang pengelasan corak adalah menggunakan rangkaian MLP yang dilatih dengan algoritma pembelajaran BP (Tsai, 2009).

Rangkaian RBF telah diperkenalkan oleh Broomhead & Lowe (1988) berdasarkan pemerhatian mereka terhadap tindak balas setempat pada neuron biologi (Yu & He, 2006). Selain turut mempunyai kebolehan pengelasan yang baik, rangkaian ini juga mempunyai seni bina yang lebih ringkas dan proses pembelajaran yang lebih pantas berbanding rangkaian MLP. Prestasi pengelasan rangkaian RBF sangat bergantung kepada lokasi pusatnya (Han & Xi, 2004). Pusat-pusat adalah data masukan kepada nod keluaran rangkaian RBF yang digunakan untuk mewakili data masukan mentah. Lokasi pusat rangkaian RBF boleh ditentukan menggunakan teknik seperti Pengkuantaman Vektor (*Vector Quantization*), Pepohon Keputusan (*Decision Tree*), Pemetaan Pengorganisasian Sendiri (*Self Organizing Maps, SOM*) dan antara teknik yang paling popular ialah menggunakan algoritma pengelompokan. Algoritma pengelompokan seperti Purata-k (Montazera *et al.*, 2009 dan Pedrycza *et al.*, 2008) lebih cenderung digunakan

kerana prestasinya yang baik, susun atur algoritmanya yang ringkas dan tidak menggunakan beban pengkomputeran yang tinggi (Oyana, 2007 dan Ding *et al.*, 2007).

Secara umum, prestasi rangkaian neural dipengaruhi oleh seni bina dan algoritma pembelajarannya. Oleh itu, sambungan masukan linear terus di antara nod masukan dan nod keluaran pada seni bina rangkaian MLP dan RBF konvensional telah dicadangkan untuk meningkatkan prestasi kecekapan dan pengitlakannya (Poggio & Girosi, 1990). Hasilnya, rangkaian RBF dengan sambungan linear telah berjaya dihasilkan oleh Mashor (2000c, 1995) dan Poggio & Girosi (1990). Rangkaian hibrid yang memiliki kedua-dua sistem linear dan tak linear ini telah terbukti mempunyai prestasi yang lebih baik daripada rangkaian RBF konvensional (Billings & Fung 1995). Konsep yang sama turut diaplikasikan kepada rangkaian MLP dengan algoritma pembelajaran BP. Bagaimanapun, modifikasi ini gagal meningkatkan prestasi rangkaian MLP konvensional kerana sambungan tambahan tersebut (sambungan linear) tidak dapat dieksplorasi oleh algoritma BP. Sebagai penyelesaian, algoritma pembelajaran Ralat Ramalan Jadi Semula Ubahsuai (*Modified Recursive Prediction Error, MRPE*) telah diperkenalkan untuk melatih rangkaian MLP hibrid ini oleh Mashor (2000b). Penyelidikan tersebut menamakan seni bina rangkaian baru tersebut sebagai rangkaian Perseptron Berbilang Lapisan Hibrid (*Hybrid Multilayered Perceptron, HMLP*). Gabungan rangkaian HMLP dengan algoritma pembelajaran MRPE telah terbukti mempunyai prestasi pengelasan yang lebih baik berbanding rangkaian MLP, RBF dan rangkaian RBF hibrid konvensional (Mashor 2000a, 2000b).

Perkembangan-perkembangan penyelidikan yang dilakukan ini pada dasarnya bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pengelasan corak rangkaian neural konvensional. Dari semasa ke semasa, penambahbaikan terhadap seni bina dan algoritma pembelajaran rangkaian neural konvensional masih dan perlu dilakukan dalam usaha meningkatkan keupayaannya. Ini bersesuaian dengan keadaan semasa yang menuntut kepada pembinaan sistem pengelasan corak yang lebih berkebolehan untuk menyelesaikan pelbagai bentuk permasalahan corak yang semakin kompleks dan mencabar.

1.3 Penyataan Masalah dan Motivasi

Prestasi sebenar suatu rangkaian neural ditentukan oleh kebolehan sesuatu rangkaian tersebut untuk melakukan pengitlakan (*generalization*) semasa berada di dalam keadaan optimum (Lin *et al.*, 2009, Mrázová & Wang, 2007 dan Kavogli, 1999). Pengitlakan bermaksud keupayaan rangkaian neural untuk belajar, mengesan dan mewakili ciri-ciri statistik data latihan dan berkemampuan untuk menentu luar (*extrapolate*) data baru yang dimasukkan pada fasa ujian (Vlahogianni *et al.*, 2005 dan Principe *et al.*, 2000). Keadaan optimum pula ialah keadaan di mana semua parameter rangkaian seperti nod masukan, nod tersembunyi, nod keluaran, nilai awalan pusat dan nilai pemberat sambungan berada pada kombinasi terbaik atau optimum semasa proses pembelajaran dilakukan.

Proses pembelajaran rangkaian MLP biasanya dilakukan menggunakan algoritma pembelajaran BP. Walaupun prestasi yang diperoleh adalah baik, namun algoritma ini

sering dikaitkan dengan beberapa masalah utama. Masalah-masalah tersebut ialah kadar penumpuan (*convergence rate*) yang perlahan (Guangjun *et al.*, 2008) dan proses pencarian pemberat dan nilai ambang optimum rangkaian sering terperangkap di dalam minima setempat (*local minima*) serta sensitif kepada nilai awalan pembolehubah yang telah diset sebelum pembelajaran dilaksanakan (Choi *et al.*, 2008).

Rangkaian RBF konvensional pula mempunyai masalah di dalam menentukan lokasi pusat yang terbaik. Lokasi pusat rangkaian RBF biasanya ditentukan menggunakan algoritma pengelompokan Purata-k. Seperti algoritma pengelompokan tipikal yang lain, algoritma pengelompokan Purata-k mempunyai tiga kekurangan utama. Kekurangan tersebut ialah fenomena pusat mati, kehadiran pusat bertindih dan pusat terperangkap di dalam minima setempat (Mat-Isa, 2008a & Maffezzoni & Gubian, 1995).

Masalah-masalah kepada rangkaian MLP dan RBF konvensional ini telah mempengaruhi kebolehan pengitlakan dan prestasi pengelasannya. Prestasi pengelasan yang rendah dan tidak stabil akan membatasi perkembangan aplikasi rangkaian neural untuk menyelesaikan masalah pengelasan corak di dalam dunia sebenar. Terutamanya jika permasalahan tersebut membabitkan pengaplikasian rangkaian neural di dalam bidang-bidang kritikal seperti kejuruteraan; yang memerlukan ketepatan sistem yang tinggi, dan juga pengaplikasian di dalam bidang perubatan; di mana ia melibatkan nyawa manusia.

Sebagai respons kepada permasalahan tersebut, penyelidikan ini mencadangkan pembinaan suatu seni bina rangkaian neural baru bersama-sama dengan sebuah algoritma pembelajaran terubahsuai. Beberapa ciri positif lain turut diintegrasikan ke dalam

rangkaian baru yang diperkenalkan. Konsep sambungan linear dan konsep prapengelasan adalah ciri-ciri positif yang dimaksudkan. Ciri-ciri positif ini telah diadaptasi dan dikenal pasti hasil daripada pengkajian ilmiah yang dilakukan secara mendalam terhadap evolusi perkembangan rangkaian neural jenis Perseptron (iaitu SLP, MLP dan HMLP) dan RBF (rujuk Bahagian 2.2.2). Justeru itu, secara hipotesisnya, suatu rangkaian yang mempunyai keupayaan dan prestasi yang lebih baik akan dapat dihasilkan.

1.4 Objektif dan Skop Kajian

Penyelidikan ini akan mengetengahkan dua objektif utama untuk dipenuhi. Dua objektif utama tersebut ialah:

1. Membina sebuah seni bina rangkaian neural baru yang mengintegrasikan ciri positif rangkaian neural jenis Perseptron dan RBF.
2. Memperkenalkan sebuah algoritma pembelajaran baru terubahsuai untuk melatih seni bina rangkaian baru yang diperkenalkan.

Berdasarkan motivasi daripada penyelidikan-penyeleidikan terdahulu, satu seni bina baru rangkaian neural akan diperkenalkan di dalam penyelidikan ini khusus sebagai pengelas corak data. Seni bina tersebut dinamakan rangkaian neural Perseptron Berbilang Lapisan Hibrid Berkelompok (*Clustered Hybrid Multilayer Perceptron, Clustered-HMLP*). Seni bina ini mengintegrasikan ciri positif rangkaian HMLP dan RBF konvensional. Berbanding rangkaian HMLP konvensional, rangkaian Clustered-HMLP terdiri daripada satu lapisan masukan, satu lapisan tersembunyi, satu lapisan keluaran dan

satu lapisan tambahan yang dipanggil lapisan pusat. Pengenalan lapisan pusat pada seni bina rangkaian Clustered-HMLP diilhamkan daripada seni bina rangkaian RBF. Ini bermakna, setiap data mentah yang masuk akan dipra-kelaskan (*pra-classification*) terlebih dahulu untuk mencari lokasi pusat-pusat pada lapisan pusat rangkaian Clustered-HMLP. Selesai proses pra-pengelasan, semua data masukan mentah akan diwakili oleh pusat-pusat rangkaian Clustered-HMLP. Keluaran lapisan pusat ini kemudiannya akan dirambat kepada nod tersembunyi dan nod keluaran untuk melengkapkan proses pembelajaran rangkaianya.

Bagi proses pembelajaran rangkaian neural Clustered-HMLP yang dibina, algoritma pembelajaran Ralat Ramalan Jadi Semula Ubahsuai Berkelompok (*Clustered Modified Recursive Prediction Error, Clustered-MRPE*) dicadangkan. Algoritma Clustered-MRPE merupakan algoritma pembelajaran yang dihasilkan melalui gabungan di antara algoritma pembelajaran MPRE terubahsuai dengan algoritma pengelompokan Purata-k Boleh Gerak (*Moving k-mean, MKM*). Modul operasi algoritma ini dibahagikan kepada dua prosedur. Pada prosedur pertama, lokasi pusat-pusat pada lapisan pusat akan ditentukan dahulu menggunakan algoritma pengelompokan MKM, sebelum dirambat sebagai masukan kepada nod tersembunyi dan nod keluaran rangkaian Clustered-HMLP. Pada prosedur kedua, dengan menggunakan data masukan yang telah dirambatkan tadi (semasa prosedur pertama), padanan parameter sambungan pemberat di antara nod pusat dengan nod tersembunyi, sambungan pemberat di antara nod pusat dengan nod keluaran dan padanan pincang rangkaian Clustered-HMLP akan ditentukan menggunakan algoritma MRPE yang telah diubahsuai. Proses pembelajaran rangkaian Clustered-HMLP tamat setelah prosedur kedua ini selesai.

Skop kajian untuk penyelidikan ini ialah untuk memperkenalkan seni bina rangkaian Clustered-HMLP yang dilatih menggunakan algoritma pembelajaran Clustered-MRPE sebagai sistem pengelasan corak. Oleh itu, prestasi dan keupayaan pengelasan rangkaian Clustered-HMLP akan diuji menggunakan 16 buah eksperimen. Eksperimen ini akan membabitkan penyelesaian permasalahan pengelasan terhadap 14 jenis set data penanda aras yang diperoleh daripada Repositori (*Respository*) Mesin Pembelajaran University California, Irvine (UCI, 2009). Untuk penilaian prestasi, prestasi pengelasan yang dicatatkan oleh rangkaian Clustered-HMLP untuk setiap eksperimen akan dibandingkan dengan prestasi 12 sistem-sistem pengelasan lain yang direkodkan di dalam terbitan-terbitan ilmiah sebelum ini termasuk rangkaian HMLP. Analisis perbandingan di antara semua sistem akan dilakukan dan sistem pengelasan terbaik untuk setiap eksperimen akan ditentukan.

Pengaplikasian terhadap rangkaian Clustered-HMLP akan dilakukan di dalam penyelidikan ini untuk menguji tahap keupayaan dan keboleharapannya. Oleh itu, dua sistem pintar menggunakan aplikasi rangkaian Clustered-HMLP akan dibina untuk menyelesaikan dua jenis permasalahan pengelasan dunia sebenar masing-masing di dalam bidang kejuruteraan dan perubatan. Di dalam bidang kejuruteraan, sebuah sistem diagnosis kerosakan transformer akan dibina berdasarkan teknik Analisis Gas Terlarut (*Dissolved Gas Analysis, DGA*). Sistem ini diharapkan mampu meningkatkan mutu diagnosis transformer semasa proses penyelenggaraannya dengan menyediakan keputusan diagnosis berkecekapan 100%. Pengaplikasian kedua ialah pembinaan sistem pengelasan sebatian (*compound*) seakan ubat (*drug-like, DL*) dan tak seakan ubat (*non drug-like, NDL*) dengan menggunakan pemerihal (*descriptor*) yang diadaptasi daripada

Aturan Lima Lipinski (*Lipinski Rule of Five, RO5*) dan aturan Veber. Sistem ini adalah satu alat bantu untuk suatu teknologi biologi klinikal yang digunakan bagi meningkatkan kecekapan proses penemuan ubat (*drug discovery, DD*).

1.5 Garis Panduan Tesis

Secara keseluruhannya, tesis ini mengandungi lima bab. Bab 1 memberi penerangan ringkas mengenai penyelidikan yang akan dilakukan. Penerangan ini merangkumi latar belakang pengenalan, objektif, penyataan masalah dan motivasi serta skop penyelidikan.

Bab 2 akan memfokuskan tentang kajian ilmiah berkenaan evolusi seni bina dan algoritma pembelajaran rangkaian neural dan aplikasinya sebagai sistem pengelas corak. Sub topik evolusi rangkaian neural Perseptron dimulakan dengan perbincangan mengenai seni bina rangkaian SLP dan diteruskan sehingga ia berevolusi menjadi rangkaian MLP dan HMLP. Evolusi seni bina rangkaian RBF turut dibincangkan sejurus selepas itu. Perbincangan tentang evolusi algoritma pembelajaran pula akan memberi penekanan kepada dua algoritma pembelajaran iaitu algoritma BP yang digunakan untuk melatih rangkaian MLP dan algoritma pengelompokan Purata-k yang digunakan untuk melatih rangkaian RBF. Masalah dan kekurangan kedua-dua algoritma akan dikenal pasti dan dibincangkan. Kemudian, beberapa penyelesaian terbaik yang dicadangkan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini akan dibentangkan dan diulas. Ulasan secara kritikal akan dilakukan untuk menentukan kebaikan dan keburukan setiap penyelesaian yang dicadangkan. Selepas itu, satu sub topik telah disediakan untuk membincangkan aplikasi-

aplikasi semasa rangkaian MLP, RBF dan HMLP di dalam menyelesaikan permasalahan membabitkan pengelasan corak. Dua topik terakhir akan membincangkan secara terperinci tentang dua aplikasi rangkaian Clustered-HMLP terhadap dua permasalahan dunia sebenar yang telah dipilih di dalam penyelidikan ini. Pengaplikasian tersebut ialah pembinaan sistem diagnosis transformer berdasarkan teknik DGA dan sistem pengelasan sebatian DL dan NDL menggunakan pemerihal berasaskan RO5 dan Veber.

Bab 3 dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama dan kedua masing-masing akan menerangkan secara terperinci seni bina rangkaian Clustered-HMLP dan algoritma pembelajaran Clustered-MRPE yang dicadangkan di dalam penyelidikan ini. Bahagian ketiga di dalam bab ini pula akan membincangkan tentang analisa atau eksperimen penilaian yang telah dilakukan untuk menguji kebolehan dan prestasi rangkaian Clustered-HMLP. Kaedah analisa, jenis parameter pengukuran dan data-data yang digunakan ialah perkara-perkara yang akan dibincangkan di bahagian ini. Keputusan prestasi rangkaian Clustered-HMLP untuk semua eksperimen akan dianalisa dan dibincangkan secara terperinci. Kemudian, prestasi rangkaian Clustered-HMLP akan dibandingkan dengan prestasi sistem-sistem lain yang terdapat di dalam kajian ilmiah penyelidikan terdahulu.

Fokus perbincangan di dalam Bab 4 pula adalah berkaitan dengan pengaplikasian rangkaian Clustered-HMLP untuk menyelesaikan dua kes permasalahan dunia sebenar. Kajian kes mengenai pembinaan sistem diagnosis kerosakan transformer menggunakan teknik DGA akan dibincangkan terlebih dahulu. Perbincangan bersambung di dalam kajian kes kedua di mana sebuah sistem pengelasan sebatian DL dan NDL menggunakan

pemerihal berasaskan RO5 dan Veber akan diperkenalkan. Seperti Bab 3, latar belakang, kaedah analisa dan jenis parameter pengukuran merupakan kandungan perbincangan bagi setiap kajian kes. Keputusan eksperimen akan dianalisa dan dibandingkan dengan keputusan sistem lain yang telah direkodkan di dalam terbitan-terbitan lepas.

Bab 5 merupakan bab terakhir di dalam tesis ini. Semua keputusan dan ulasan yang diperoleh di dalam penyelidikan ini akan disimpulkan di dalam Bab 5. Beberapa cadangan untuk mendalami penyelidikan ini pada masa hadapan turut dibincangkan di dalam bab ini.

BAB 2

EVOLUSI SENI BINA DAN ALGORITMA PEMBELAJARAN RANGKAIAN

NEURAL SEBAGAI PENGELAS CORAK

2.1 Pengenalan

Rangkaian neural telah terbukti mempunyai kebolehan yang tinggi di dalam menyelesaikan permasalahan kompleks berkaitan dengan pengelasan corak (Silva *et al.* 2008, Sadik & Mustafa, 2007 dan Lung 2007). Minat terhadap pengkajian rangkaian neural telah bermula sejak kurun ke-19 berdasarkan pengkajian para penyelidik tentang bagaimana otak manusia berfikir. Rangkaian neural semakin mendapat perhatian umum selepas pengenalan algoritma Perambatan Balik (*Back Propagation, BP*) di dalam penerbitan “Perwakilan Pembelajaran Dalaman oleh Ralat Balik (*Learning Internal Representations by Error Propagation*)” pada tahun 1986 oleh Rumelhart *et al.* (1986). Sejak daripada itu, seni bina dan algoritma pembelajaran rangkaian neural telah mengalami pelbagai evolusi penambahbaikan dan pengubahsuaian. Kesan daripada evolusi-evolusi tersebut, pelbagai jenis sistem rangkaian neural terkini yang lebih cerdik dan pintar telah berjaya dihasilkan oleh para penyelidik.

Bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Pada bahagian pertama, topik berkaitan rangkaian neural akan dibincangkan. Perbincangan meliputi ulasan secara terperinci tentang evolusi seni bina dan algoritma pembelajaran rangkaian neural serta pengaplikasian semasa rangkaian neural sebagai pengelasan corak. Bahagian kedua dan

ketiga masing-masing membincangkan tentang aplikasi rangkaian neural di dalam bidang kejuruteraan untuk mendiagnosis kerosakan transformer secara dalam talian (*on-line*) dan pengaplikasian rangkaian neural sebagai sistem bantuan di dalam teknologi biologi klinikal untuk proses penemuan ubat (*drug discovery, DD*). Sub topik Ulasan akan diperuntukkan di akhir setiap bahagian utama bagi menjustifikasi motivasi dan inspirasi yang diperoleh daripada ulasan penyelidikan terdahulu, untuk dimuatkan di dalam penyelidikan ini. Turut dibincangkan adalah skop sumbangan penyelidikan ini di dalam setiap bidang yang telah dibincangkan iaitu bidang pembangunan rangkaian neural, teknologi penyelenggaraan sistem bekalan kuasa dan DD.

2.2 Rangkaian Neural Buatan

Para penyelidik telah berusaha sejak berabad-abad yang lalu untuk memajukan kajian di dalam bidang neurobiologi dan psikologi. Tujuannya ialah untuk memahami prinsip biofizik mengenai cara otak manusia berfikir. Hasilnya para penyelidik telah berjaya mengenalpasti dan menghuraikan fungsi yang dimainkan oleh sistem rangkaian saraf neural sebagai sistem pemprosesan maklumat utama di dalam otak manusia.

Seiring dengan kemajuan teknologi pengkomputeran, wujud cadangan di kalangan penyelidik untuk membina suatu sistem kecerdikan buatan (*artificial intelligent system*). Sistem yang dicadangkan ini dibangunkan dengan meniru dan mengadaptasi konsep pemprosesan sistem saraf neural manusia. Melalui pendekatan ini, para penyelidik berharap agar sistem pintar yang dihasilkan akan mempunyai keupayaan

untuk menjalankan fungsi-fungsi yang mimik otak manusia seperti pengelasan corak, peramal fungsi, pengenalpastian sistem, pemprosesan data, membuat keputusan dan sebagainya. Sistem yang dimaksudkan dikenali sebagai sistem rangkaian neural buatan (RNB).

Norgaard *et al.* (2000) mentakrifkan RNB sebagai satu sistem yang mengandungi elemen-elemen pemprosesan mudah dipanggil neuron yang disambungkan di antara satu sama lain di dalam satu rangkaian oleh satu set pemberat. Haykin (1998) pula mentakrifkan RNB sebagai pemproses teragih selari besar yang mempunyai satu kecenderungan semulajadi untuk menyimpan pengetahuan berpengalaman dan menggunakan.

Sejak diperkenalkan oleh McColluch & Pitts (1944) pada tahun 1940-an, RNB telah diaplikasikan untuk menyelesaikan pelbagai bentuk masalah di dalam bidang sains dan kejuruteraan. Antara bentuk pengaplikasian yang paling popular ialah untuk menyelesaikan permasalahan berkaitan dengan pengelasan corak (Mezghani & Mitiche, 2008 dan Suma & Murali, 2008).

Secara amnya, proses pengelasan corak boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu pengekstrakan pemerihal (*feature extraction*) dan pengelasan (Xu *et al.*, 2009, Quteishat, 2008, Duda *et al.*, 2002, Nugent *et al.*, 1999, Young & Clavert, 1974 dan Tou & Gonzalez, 1974). Pengekstrakan pemerihal membabitkan pemilihan ciri signifikan daripada masukan corak, dan menukarkannya kepada sebarang fungsi pengiraan bermaklumat (*informative measurement*) yang boleh mewakili ciri-ciri statistik masukan corak (Chiang, 2001). Sebagai contoh, corak abjad “E” dan “F” boleh dibezakan dengan

mengira bilangan lejang (*stroke*) yang dimiliki oleh abjad-abjad tersebut. Maka, pemerihal yang digunakan di dalam kes pengelasan corak abjad E dan F ialah bilangan lejang.

Peringkat pengelasan pula membabitkan proses penggunaan sebarang aturan pembuat keputusan (*decision making rule*) untuk membezakan masukan corak kepada kelas-kelas sasaran tertentu berdasarkan pemerihal yang diberi (Duda & Hart, 2002). Di dalam penyelidikan ini, fokus akan diberikan kepada peringkat pengelasan sahaja. Proses pengelasan akan dilaksanakan menggunakan aturan pembuat keputusan jenis RNB.

2.2.1 Seni Bina dan Algoritma Pembelajaran

Kebanyakan model rangkaian neural buatan mempertimbangkan neuron di dalam sel sebagai satu unit pemprosesan asas (Rumelhart, 1995). Neuron adalah unit pemprosesan informasi bagi suatu rangkaian neural buatan. Operasi yang dilakukan di dalam neuron tersebut akan menentukan fungsi dan jenis pengoperasian sesuatu rangkaian neural. Rajah 2.1 menunjukkan pemodelan neuron asas untuk suatu rangkaian neural buatan (Haykin, 2008, Gallant, 1995 dan Winston, 1992).

Berdasarkan Rajah 2.1, model asas neuron dibentuk daripada tiga komponen iaitu satu set sinaps atau sambungan rangkaian, satu penambah dan satu fungsi pengaktifan. Setiap sinaps pada neuron akan dicirikan dengan satu nilai pemberat. Andaikan neuron k yang dianalisis mempunyai n data masukan atau sinaps. Data atau signal, v_j pada masukan sinaps ke- j yang disambungkan pada neuron, k akan didarabkan dengan nilai


pemberat sinaps ke- j tersebut, w_{kj} . Penambah pula akan menambah semua signal v_j yang telah didarabkan dengan pemberat sinaps masing-masing untuk mendapatkan satu nilai tunggal keluaran penambah, x_k . Jumlah keluaran penambah, x_k ditunjukkan seperti persamaan berikut:

$$x_k = \sum_{j=1}^n w_{kj} v_j \quad (2.1)$$

Kemudian, hasil keluaran bagi neuron k akan diperolehi selepas nilai x_k melalui fungsi pengaktifan, φ seperti berikut:

$$y_k = \varphi(x_k) \quad (2.2)$$


di mana y_k adalah keluaran bagi neuron k . Fungsi pengaktifan yang sering digunakan ialah seperti fungsi penghad tetap (*hard limiter*), linear sesecebis (*piecewise linear*), sigmoid dan linear (Nauck *et al.*, 1997 dan Haykin, 1994).




Rajah 2.1: Pemodelan asas neuron (Haykin, 2008)

RNB boleh dibezakan di antara satu sama lain melalui jenis seni bina atau algoritma pembelajaran yang digunakan (Welstead, 1994). Seni bina suatu rangkaian neural ditentukan oleh kedudukan dan sambungan di antara neuron dalam suatu rangkaian. Secara amnya, seni bina rangkaian neural boleh dibahagikan kepada dua jenis utama iaitu rangkaian neural suap depan (*feedforward*) dan rangkaian neural suap balik (Haykin, 2008, Norgaard *et al.*, 2000 dan Gallant, 1996).

Rajah 2.2 menunjukkan seni bina suatu rangkaian neural suap depan. Struktur ini dinamakan sedemikian rupa kerana rangkaian neural suap depan hanya membenarkan setiap neuron untuk menerima data masukan daripada neuron pada lapisan terdahulu sahaja. Sebaliknya, seni bina rangkaian neural suap balik mempunyai sekurang-kurangnya satu gelung suap balik seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 2.3.



Rajah 2.2: Rangkaian neural suap depan



Rajah 2.3: Rangkaian neural suap balik

Menurut Haykin (1994), proses pembelajaran kepada rangkaian neural adalah suatu proses yang mana parameter-parameter bebas rangkaian neural dipadankan melalui proses stimulasi yang berterusan oleh persekitaran yang mana rangkaian neural itu berada. Terdapat dua fasa yang perlu dilalui oleh setiap rangkaian neural semasa proses pembelajaran iaitu fasa latihan (*training phase*) dan fasa ujian (*testing phase*) (Abdul-Kader, 2009). Pada fasa latihan, rangkaian neural akan dimasukkan dengan satu set data latihan. Data latihan ini akan digunakan oleh rangkaian neural tersebut untuk mempelajari ciri-ciri statistik data masukan (iaitu data latihan) bagi mewakili keseluruhan corak data tersebut. Ciri-ciri statistik ini adalah seperti corak perubahan data keseluruhan, corak pengelompokan data dan sebagainya (Mat-Isa, 2003). Proses pembelajaran akan menentukan nilai optimum parameter-parameter bagi rangkaian neural tersebut supaya mencapai kemampuan pengitlakan (*generalization*). Keupayaan rangkaian untuk

mewakili keseluruhan data akan diuji semasa fasa ujian menggunakan set data ujian yang baru. Kaedah pembelajaran RNB boleh dibahagikan kepada dua mod iaitu pembelajaran terselia (*supervised learning*) dan pembelajaran tak terselia (*unsupervised learning*) (Haykin, 2008).

2.2.2 Evolusi Rangkaian Neural

Kecekapan sistem saraf manusia untuk menjalankan fungsi kompleks seperti mengecam, menghafal serta mentafsir corak amat dikagumi oleh para penyelidik. Justeru itu, pelbagai usaha penyelidikan telah dilakukan untuk menjadikan pembinaan sistem kecerdikan RNB sebagai suatu realiti.

Hipotesis untuk membina sistem RNB yang pada mulanya samar dan diragui telah memasuki era baru dengan penerbitan jurnal perintis bertajuk “Kalkulus Logik Perubahan Idea Di dalam Aktiviti Saraf (*A Logical Calculus of The Ideas Immanent in Nervous Activity*)” oleh McColluch & Pitts (1944). Di dalam penerbitan tersebut, mereka telah berjaya membina satu model RNB asas yang berupaya melakukan proses pengiraan fungsi matematik dan logik. Hebb (1949) mengiktiraf penemuan penyelidikan McColluch & Pitts (1944) tersebut dan diperkuuhkan oleh beliau melalui pengenalan hukum pembelajaran yang dipanggil Hukum Hebb. Kemudian, Rochester dari International Business Machines (IBM) cuba mengaplikasikan simulasi hipotetikal RNB menggunakan komputer (Zini & d'Onofrio, 2003). Malangnya usaha tersebut telah gagal. Sebaliknya, pada tahun 1962, Widrow dan Hoff telah berjaya membina model Elemen Linear

Adaptasi (*Adaptive Linear Element, ADALINE*) dan Elemen Linear Adaptasi Berbilang (*Multipule Adaptive Linear Element, MADALINE*) untuk meramal bit penstriman (Widrow & Winter, 1988). Di dalam masa yang sama, model Perseptron telah diperkenalkan oleh Rosenblatt (1958). Penemuan Perseptron dianggap penting kerana model ini kemudiannya telah menjadi sebagai rujukan utama kepada penghasilan rangkaian neural jenis Perseptron seperti rangkaian neural Perseptron Lapisan Tunggal (*Single Layer Perceptron, SLP*) dan rangkaian neural Perseptron Berbilang Lapisan (*Multilayered Perceptron, MLP*) (Logeswaran, 2002).

Perkembangan RNB mengalami zaman suram pada tahun 1970-an disebabkan oleh demonstrasi yang dikemukakan oleh Minsky & Papert (1969) tentang kelemahan dan kekangan pada struktur Perseptron di dalam bukunya yang bertajuk “Perseptron”. Walaubagaimanapun, pada 1985, minat terhadap RNB diperbaharui setelah kelemahan Perseptron yang dikemukakan oleh Minsky dan Papert telah berjaya diatasi dengan pengenalan teori BP oleh Rummelhart *et.al.* (1986) dan Cun (1986). Teori tersebut mencadangkan supaya maklumat mengenai ralat pada nod keluaran dibawa balik ke nod tersembunyi.

Sejak daripada itu, usaha-usaha pembangunan teknologi RNB dan pengaplikasiannya sebagai pengelas corak pintar telah berkembang secara drastik. Hasilnya, beberapa lagi penemuan baru telah berjaya dicapai bagi memperbaiki model asal RNB McCulloch. Sebagai contoh, Hopfield telah berjaya membangunkan beberapa rangkaian neural berdasarkan pemberat tetap dan pengaktifan adaptasi (Liu & You, 2008 dan Lee *et al.*, 1998). Neo-kognisi (*Neocognition*) pula telah dibangunkan oleh

Fukushima (1988) untuk menyelesaikan masalah pengecaman aksara. Teori Resonans Adaptasi (*Adaptive Resonance Theory, ART*) pula telah diperkenalkan oleh Grossberg pada lewat 1980-an (Carpenter & Grossberg, 1987). Lain-lain perkembangan dalam pembinaan RNB adalah seperti pembinaan model Kohonen yang memperkenalkan konsep Pemetaan Tersendiri ke atas satu atau dua dimensi struktur kekisi (*lattice structure*) (Kohonen, 2001, 1982). Dua contoh terakhir ialah pengenalan rangkaian Fungsi Asas Jejarian (*Radial Basis Function, RBF*) oleh Broomhead & Lowe (1988) dan pengenalan rangkaian Perseptron Berbilang Lapisan Hibrid (*Hybrid Multilayered Perceptron, HMLP*) oleh Mashor (2000b).

Hari ini, rangkaian neural suap hadapan MLP dan RBF telah digunakan secara meluas untuk menyelesaikan pelbagai masalah di dalam bidang pengelasan corak. Populariti ini adalah berdasarkan keupayaan kedua-dua rangkaian tersebut untuk menghasilkan pemetaan hubungan tidak linear yang kompleks di antara data masukan dan keluaran untuk mencapai kapasiti pengitlakan yang baik, serta mudah untuk diimplementasikan.

2.2.2.1 Evolusi Rangkaian Neural Perseptron

Obsesi Rosenblatt (1958) terhadap mata lalat telah memberi inspirasi kepadanya untuk membina model Perseptron. Perseptron ialah model kepada neuron manusia yang mengaplikasikan pengubahsuaian pemberat secara iteraktif. Konsep Perseptron kemudiannya telah menjadi asas kepada pembinaan rangkaian neural suap hadapan SLP.

Kekangan pada fungsi rangkaian SLP yang terhad telah mendorong kepada pembinaan sebuah lagi rangkaian neural suap depan jenis Perseptron iaitu rangkaian MLP (Óvido & Celestino, 2008 dan Dumas II, 2006). Rangkaian neural jenis Perseptron terus berevolusi apabila rangkaian MLP dengan sambungan linear diperkenalkan oleh Mahsor (2000b) pada tahun 2000. Rangkaian tersebut juga dikenali sebagai rangkaian HMLP.

2.2.2.1.1 Rangkaian Perseptron Lapisan Tunggal

Rangkaian neural Perseptron Lapisan Tunggal (*Single Layer Perceptron, SLP*) merupakan rangkaian neural suap hadapan pertama yang telah dibina. Rangkaian SLP berkebolehan untuk mengelaskan permasalahan corak berbentuk boleh pisah linear (*linear separable*). Seni bina rangkaian SLP terdiri daripada satu lapisan nod masukan dan satu lapisan nod keluaran. Setiap lapisan nod tersebut terbina daripada pengkaskadan satu atau lebih model Perseptron Rosenblatt (1958). Rajah 2.4 menunjukkan seni bina rangkaian SLP dengan lima nod yang mampu mengecam corak boleh pisah linear kepada dua kelas (dua nod keluaran) berdasarkan tiga ciri masukan (tiga nod masukan). Penambahan kepada hasil pendaraban semua pemberat dan masukan akan menentukan aturan padanan hiperkekisi (*hyperplanes*) untuk suatu permasalahan boleh pisah linear. Hiperkekisi tersebut akan memisahkan setiap kelas keluaran seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.5.